

→ **KEBAKARAN**

# Empat bilik asrama pusat tahfiz hangus

➔ 25 pelajar lelaki ikuti kelas di tingkat bawah ketika kejadian

Oleh **Norrasyidah Arshad**  
norrasyidah@bh.com.my

**Kapar**

**E**mpat bilik asrama pelajar lelaki Pusat Pengajian dan Tahfiz Nur Al-Quran, Rantau Panjang dekat sini, musnah terbakar, manakala tingkat bawah menempatkan kelas pengajian.

Bilik berkeluasan 150 meter persegi itu menempatkan 25 pelajar lelaki berusia antara 10 hingga 19 tahun di tingkat satu bangunan terbakar, manakala tingkat bawah menempatkan kelas pengajian.

Bagaimanapun, tidak ada kecederaan dilaporkan ketika kebakaran jam 2.30 petang itu kerana pelajar sedang mengikuti kelas di

tingkat bawah.

Seorang pelajar, Ahmad Sudais Noor Azmi, 16, berkata ketika kejadian semua pelajar berada dalam kelas di tingkat bawah asrama berkenaan.

"Ketika sedang belajar, ada pelajar perempuan datang memukulkan kepada kami nampak asap hitam keluar dari arah asrama."

**Almari, tilam terbakar**

"Kami semua naik ke asrama dan lihat almari serta tilam dalam bilik terbakar," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, semalam.

Ahmad Sudais berkata, semua pelajar cuba memadamkan kebakaran tetapi tidak berjaya berikutan barang yang ada dalam bilik itu



**Faizal (empat dari kanan) berdoa bersama pelajar tahfiz yang terselamat dalam kebakaran yang memusnahkan bilik asrama Tahfiz Nur Al-Quran, Rantau Panjang di Kapar, semalam.**

mudah terbakar menyebabkan api sangat marak.

"Saya cuba memadamkan api guna alat pemadam kebakaran. Ada juga pelajar mengangkut air dan penduduk berhampiran pula mengeluarkan tong gas di dapur," katanya.

Difahamkan, pusat tahfiz berkenaan sudah beroperasi di situ sejak empat tahun lalu.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang, Zaidi Ahtan, berkata api dapat dipadamkan kira-kira 20 minit selepas pihaknya sampai pada jam 2.45 petang.

Katanya, kebakaran berpunca dari bilik tengah sebelum merebak ke bilik lain.

**Bilik terbakar sepenuhnya**

"Semua bilik di tingkat atas musnah sepenuhnya. Punca kejadian masih dalam siasatan serta anggaran kerugian belum diketahui," katanya.

Anak pemilik pusat tahfiz berkenaan yang juga Timbalan Mudir, Fawaz Abdul Hamid, berkata Jabatan Kerja Raya (JKR) dijadual memeriksa pusat itu Rabu ini.

Beliau berkata, pihaknya sudah membuat permohonan kepada JKR selepas kejadian meragut nyawa 23 pelajar dan tenaga pengajar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kuala Lumpur, bulan lalu.

"Kami sedang menunggu giliran diperiksa memandangkan 40 pusat tahfiz perlu diperiksa JKR."

"Kami antara kira-kira tujuh pusat tahfiz yang belum diperiksa JKR," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Setiausaha Politik kepada Menteri Kesejahteraan Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Faizal Abdullah ketika melawat lokasi kebakaran berkata, 149 pusat tahfiz di Selangor, sudah diperiksa minggu lalu.

"Untuk minggu ini, 135 akan diperiksa. Semua yang diperiksa ini adalah pusat tahfiz yang sudah berdaftar."

"Berkenaan bantuan, kita sudah arahan jentera Wanita UMNO untuk mencari pakaian semua pelajar dan membawa mereka membeli pakaian asas," katanya.

# 'RM30 juta untuk naik taraf, bukan bayar gaji'

(FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)



**Dari kiri, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Zainal Rahim Seman; Ahmad Zahid dan Pengerusi PERKESO, Tan Sri Aseh Che Mat (dua dari kanan) selepas merasmikan Persidangan Psikologi Modal Insan 2017 di Pusat Konsvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.**

**Putrajaya:** Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan peruntukan RM30 juta disalurkan kepada pusat tahfiz untuk menaik taraf infrastruktur dan bukannya membayar gaji kakitangan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Bajet 2017 menyediakan dana RM30 juta kepada pusat tahfiz, namun lebih 80 peratus daripada peruntukan itu digunakan pentadbiran pusat berkenaan untuk membayar gaji kakitangan.

"Lebih 80 peratus peruntukan digunakan untuk bayar gaji sedangkan matlamatnya untuk menaik taraf."

"Saya akan pastikan RM30 juta ini digunakan 100 peratus untuk menaik taraf kemudahan maahad tahfiz," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Psikologi Modal Insan 2017 di Pusat Konsvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Pada 15 September lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memaklumkan kerajaan memper-

untukkan RM30 juta bagi membantu menaik taraf pusat tahfiz swasta susulan tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Keramat.

Pada pembentangan Bajet 2017 lalu, Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan RM30 juta bagi menyelaraskan pendidikan tahfiz mencapai tahap persekitaran pembelajaran yang baik dan kondusif.

**Pendaftaran tahfiz swasta**

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata pendaftaran sekolah tahfiz swasta untuk diselaraskan oleh Kerajaan Persekutuan akan ditenentukan selepas isu keselamatan selesai sepenuhnya.

Katanya, sehingga minggu lalu, 932 daripada 941 sekolah tahfiz sudah diperiksa oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), sebelum laporan penuh mengenainya diserahkan kepada Kementerian berkaitan.

"Untuk peringkat pertama, kita

mahu siapkan aspek keselamatan dahulu.

"Perdana Menteri dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sudah meminta JPBM pergi ke semua sekolah tahfiz."

"Laporan mengenai kedudukan keselamatan sekolah itu akan datang dahulu dan kita akan lihat apa yang perlu diperbaiki dari aspek keselamatan membabitkan pihak bomba seperti pendawaian."

"Kemudian baru kita menumpukan kepada perkara lain seperti kurikulum dan sebagainya."

"Isu (pendaftaran) itu kita belum bincang lagi kerana kita mahu selesaikan dulu (aspek keselamatan). Perdana Menteri sudah memaklumkan bahawa tidak guna kita berbincang mengenai kurikulum kalau keselamatan murid ada masalah," katanya pada sidang media selepas melancarkan program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS) di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 17 (1) di sini, semalam.